

## JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang merupakan anak jati Negeri Perak Darul Ridzuan yang berkelayakan untuk memohon kekosongan jawatan di Yayasan Perak seperti berikut: -

1. Jawatan : **Pengurus Korporat dan Perhubungan Awam Gred N41**
2. Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
3. Taraf Jawatan : Kontrak/ Tetap
4. Gaji : Berdasarkan pengalaman dan kelayakan

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM2,080.00	RM9,546.00	RM225.00

5. Kemahiran :
  - i) Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam bidang berkaitan terutamanya rangkaian komunikasi serta pengendalian majlis dan acara rasmi.
  - ii) Mempunyai kemahiran teknologi maklumat yang baik (terutama grafik dan video) dan berkebolehan menggunakan media sosial dengan berkesan.
  - iii) Berkebolehan dalam penulisan laporan, siaran media dan berita.
  - iv) Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik.
  - v) Berkebolehan melaksanakan tugas secara efisien mengikut garis masa yang ditetapkan.
6. Deskripsi Tugas :
  - i) Bertanggungjawab sebagai "Focal Point" jabatan dalam penyampaian dan penyaluran maklumat di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa.
  - ii) Bertanggungjawab dalam pengurusan berkaitan korporat dan perhubungan awam seperti :-
    - a. Pelaksanaan program/ acara rasmi
    - b. Pengurusan media dan lawatan rasmi
    - c. Penerbitan bercetak dan digital secara berkala
    - d. Pengurusan aduan dan khidmat pelanggan
    - e. Membangunkan kandungan kreatif

7. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) Warganegara Malaysia; dan
  - (b) Berumur tidak kurang daripada 25 tahun dan tidak lebih daripada 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) ijazah sarjana muda Komunikasi Massa dengan kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - (d) ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

8. Tarikh Tutup Iklan : **25 November 2024 (Isnin)**

9. Calon-calun yang berminat hendaklah menghantar permohonan dengan menyertakan salinan kad pengenalan, salinan sijil SPM, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, resume dan sekeping gambar berukuran passport melalui email [sumbermanusia@yayasanperak.com.my](mailto:sumbermanusia@yayasanperak.com.my) atau pos ke alamat seperti berikut: -

**Unit Sumber Manusia  
Yayasan Perak  
Tingkat 1, Wisma Yayasan Perak,  
No. 111, Jalan Sultan Idris Shah,  
30000 Ipoh,  
Perak**

10. Catatan :

- a) Hanya calon-calun yang terpilih dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- b) Jika sekiranya calon tidak menerima sebarang maklumbalas dalam tempoh tiga (3) minggu dari tarikh tutup iklan, calon dianggap **TIDAK BERJAYA**.
- c) Keputusan temuduga adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

**Tarikh : 18 November 2024**